

2017 SPM SEJARAH (KERTAS 3)

Tema Umum : Kemunculan dan Perkembangan Nasionalisme Sehingga Perang Dunia Kedua Sebelum Perang Dunia Kedua, hampir semua wilayah Asia Tenggara dikuasai oleh penjajah Barat kecuali Thailand. Belanda menguasai kepulauan Indonesia. British menguasai Burma (Myanmar), Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah. Amerika Syarikat merampas Filipina daripada Sepanyol. Perancis menguasai IndoChina. Portugis menduduki sebahagian pulau Timor-Timur.

Bil	Perkara
1	Maksud / konsep / definisi Imperialisme Barat <i>Atau</i> Latar belakang Imperilaisme Barat -Kuasa Barat yang terlibat dalam kegiatan Imperialisme Barat di Asia Tenggara
2	Faktor /sebab Imperialisme Barat di Asia Tenggara
3	Keistimewaan Asia Tenggara yang menarik minat Imperialis Barat
4	Mengapakah Asia Tenggara mudah dikuasai oleh Imperialis Barat
5	Perkembangan yang berlaku di Eropah mendorong kuasa imperialis/kuasa Barat kuasa Barat menjalankan dasar imperialisme di Asia Tenggara
6	Kepentingan ekonomi mendorong kuasa Barat melakukan imperialisme
7	Kesan buruk Imperialisme Barat di Asia Tenggara <i>Atau</i> Penjajah Barat mendakwa penjajahan dilakukan untuk mensejahterakan kehidupan rakyat tempatan.Setujukah anda dengan pernyataan tersebut.
8	Kesan baik Imperialisme Barat
9	Hubungkait Imperialisme dengan kemunculan nasionalisme di Asia Tenggara
10	Bagaimana penjajahan bentuk Baru / Imperialisme moden pada hari Ini.
11	Kesan imperialisme moden / penjajahan bentuk baru hari ini
12	Cabaran untuk menyekat imperialisme moden hari ini
13	Langkah / persediaan menghadapi Imperialisme moden pada hari ni
14	Cabaran untuk mempertahankan kedaulatan negara
15	Peranan warganegara Malaysia dalam usaha mengekalkan kedaulatan negara
16	Mengapakah kita perlu mengekalkan kedaulatan negara
17	Iktibar yang boleh diambil daripada penjajahan kuasa Barat ke atas negara-negara Asia Tenggara
18	Nilai patriotisme yang boleh diterapkan melalui penjajahan kuasa Barat
19	13 Kesimpulan yang dapat dirumuskan daripada keseluruhan isi (a) <i>Pengetahuan yang diperoleh</i> (b) <i>Nilai patriotisme yang boleh dihayati</i> (c) <i>Harapan menjadikan negara dan bangsa Malaysia unggul di mata dunia.</i>

1. Maksud / Konsep / definisi Imperialisme Barat Atau Latar belakang Imperialisme Barat

(i) Maksud

Imperialisme merupakan dasar sesebuah negara meluaskan pengaruh dan wilayahnya dengan menjajah negara lain untuk kepentingan tertentu seperti untuk mendapatkan keuntungan dari segi ekonomi dan politik.

(ii) Latar belakang

Imperialisme telah berlaku semenjak Empayar Yunani dan Empayar Rom lagi. Imperialisme moden bermula sejak abad ke-15 apabila kuasa-kuasa Barat telah menguasai wilayah-wilayah di Asia, Amerika Latin dan Asia. Portugal mendahului kuasa Barat yang lain apabila berjaya menawan Melaka pada tahun 1511. Pada awalnya Imperialisme Barat berlaku secara tidak langsung dan bertujuan untuk menguasai kepentingan perdagangan rempah sahaja. Namun, apabila Revolusi Perindustrian tercetus di Eropah, persaingan antara kuasa Barat menjadi semakin sengit.

Atau

Kuasa Barat yang terlibat dalam kegiatan Imperialisme Barat di Asia Tenggara

Portugal menguasai Melaka pada tahun 1511, Sepanyol dan Amerika Syarikat pula menguasai Filipina, Belanda menguasai Indonesia, Perancis menguasai IndoChina, British menguasai Burma, Semanjung Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah.

2 Faktor / Sebab / Tujuan Imperialisme Barat di Asia Tenggara

Revolusi Perindustrian

Faktor pertama imperialisme Barat di Asia Tenggara adalah kerana berlaku Revolusi Perindustrian di Eropah. Kespesatan sektor perindustrian di Eropah sejak abad ke-17 membolehkan mereka mengeluarkan pelbagai hasil perkilangan secara besar-besaran. Mereka memerlukan bekalan bahan mentah secara konsisten. Mereka juga memerlukan kawasan pasaran baru. Kedudukan Asia Tenggara strategik kerana terletak di antara China dan India. Keadaan ini mendorong perluasan imperialisme yang lebih pesat di Timur terutamanya di China, India dan Asia Tenggara. China dan India menjadi sasaran imperialis Barat kerana berpotensi untuk dijadikan pasaran yang luas bagi barangan mereka.

Kekayaan Bahan Mentah

Faktor kedua imperialisme Barat di Asia Tenggara adalah kerana Asia Tenggara kaya dengan bahan mentah, selain mempunyai tanah yang subur. Antara negara Asia Tenggara yang mempunyai bahan mentah pada awal abad ke-18 ialah Tanah Melayu dan Indonesia yang kaya dengan bijih timah, Thailand kaya dengan bijih timah dan kayu jati, Burma kaya dengan kayu jati dan Filipina kaya dengan tebu dan kelapa.

Sistem Pengangkutan dan Perhubungan

Faktor ketiga imperialisme Barat di Asia Tenggara adalah kerana perkembangan dalam sistem pengangkutan dan perhubungan. Penggunaan kapal berkuasa wap membolehkan muatan yang lebih banyak dan juga mempercepat perjalanan antara Barat dengan Timur. Pembukaan Terusan Suez pada 1869 telah memendekkan jarak perjalanan di antara Barat dengan Timur. Penggunaan kapal berkuasa wap dan pembukaan Terusan Suez menjadikan perjalanan lebih selamat dan menjimatkan kos. Penciptaan telegraf telah membawa perubahan terhadap perhubungan antara Barat dengan Timur. Kuasa-kuasa imperialis dapat memberikan arahan kepada pegawai-pegawai mereka di tanah jajahan dengan lebih cepat dan berkesan. Ahli-ahli perniagaan di Barat dapat berhubung dengan wakil-wakil mereka di Timur. Oleh itu, urusan perniagaan menjadi lebih mudah dan perdagangan antarabangsa menjadi lebih pesat.

Persaingan kuasa Barat

Faktor keempat imperialisme Barat ialah persaingan antara kuasa-kuasa Barat. Semakin luas tanah jajahan, semakin tinggi sanjungan yang diperoleh kuasa-kuasa Barat. Keluasan tanah jajahan juga melambangkan kekuatan dan kekayaan kuasa Barat tersebut. Menjelang 1830, Britain menghadapi persaingan daripada negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat menyebabkan mereka mengenakan peraturan tarif untuk melindungi industri masing-masing. Jadi Britain terpaksa mencari pasaran di Asia dan juga Afrika untuk barangan mereka kerana tidak dapat dieksport ke Amerika dan Eropah secara mudah.

Slogan Beban Orang Putih dan Tugas Menyebarkan Tamadun

Faktor kelima imperialisme Barat ialah slogan Beban Orang Putih dan Tugas Menyebarkan Tamadun. Slogan beban orang putih atau *the white men's burden* digunakan oleh kuasa British dan Belanda dalam menjalankan imperialisme. Kedua-dua kuasa ini mendakwa bahawa mereka lebih maju dan bertamadun. Mereka berasa bertanggungjawab untuk memimpin orang Timur ke arah kehidupan yang lebih sejahtera. Perancis berpegang pada slogan tugas menyebarkan tamadun atau *mission civilisatrice* iaitu menganggap mereka bertanggungjawab untuk mentamadunkan orang Timur. Orang Amerika pula menggunakan slogan *The Blessings of The Anglo-Saxon Protection*. Mubaligh Kristian juga berpendapat bahawa mereka bertanggungjawab menyebarkan agama Kristian kepada penduduk di tanah jajahan

3. Keistimewaan Asia Tenggara yang menarik minat Imperialis Barat

Kedudukan strategik

Asia Tenggara menarik minat imperialis kerana kedudukannya yang strategik. Hal ini kerana Asia Tenggara terletak di laluan perdagangan antara Timur dan Barat di Selat Melaka atau Laut China Selatan. Asia Tenggara juga terlindung daripada tiupan angin monsun.

Kekayaan bahan mentah

Selain itu, Asia Tenggara mempunyai bahan mentah atau galian yang diperlukan dalam Revolusi Perindustrian di Eropah. Antara negara Asia Tenggara yang mempunyai bahan mentah pada awal abad ke-18 ialah Tanah Melayu dan Indonesia yang kaya dengan bijih timah, Thailand kaya dengan bijih timah dan kayu jati, Burma kaya dengan kayu jati dan Filipina kaya dengan tebu dan kelapa. Asia Tenggara juga mempunyai hasil dagangan seperti rempah ratus dan hasil hutan seperti balak dan sarang burung. Barang dagangan ini mendatangkan keuntungan yang besar kepada pedagang Barat. Oleh itu, Asia Tenggara menjadi tumpuan imperialis Barat.

Pasaran luas

Seterusnya, Asia Tenggara mempunyai pasaran yang luas untuk barang keluaran Revolusi Perindustrian yang berlaku di Eropah. Hal ini kerana mempunyai penduduk yang ramai. Ini membawa kepada persaingan kuasa-kuasa Barat merebut tanah jajahan di rantau ini.

Tanah subur

Tambahan pula, Asia Tenggara dijajah kerana mempunyai tanah yang subur yang sesuai untuk tanaman dagangan seperti getah, tembakau dan kopi. Lagi pun iklim Asia Tenggara yang panas dan lembap sepanjang tahun sesuai untuk pertanian.

4. Mengapakah Asia Tenggara mudah dikuasai oleh Imperialis Barat.

Asia Tenggara mudah dikuasai oleh Imperialis Barat kerana, pertamanya kuasa Barat **memiliki senjata moden** seperti kapal perang. Contohnya British memiliki kapal perang HMS Cadmus. Seterusnya mereka juga ada meriam dan senapan. Masyarakat tempatan pula hanya menggunakan senjata tradisional seperti lembing, pedang dan keris.

Seterusnya kuasa Barat mempunyai **pengalaman perang** yang luas serta latihan ketenteraan yang mencukupi.

Selain itu kuasa Barat memiliki pasukan **tentera** yang ramai dan mahir dalam ilmu perang. Seterusnya mereka sentiasa membuat perancangan rapi sebelum memulakan perang.

Juga kelemahan dalam **sistem politik** tempatan. Contohnya berlaku perebutan takhta dan kuasa dalam kalangan pembesar-pembesar seperti di negeri Perak. Hal ini menyebabkan ada pembesar menjemput kuasa British untuk memberi bantuan kepada mereka.

Selain itu pembesar-pembesar Melayu juga **mudah terpengaruh** dengan janji-janji manis kuasa Barat. Contohnya Sultan Kedah terpengaruh dengan janji Francis Light dan SHTI untuk memberi bantuan menentang kuasa Siam.

Seterusnya pemimpin tempatan juga **tidak bersatu** dan kerajasama dalam menghadapi kuasa Barat. Pembesar Melayu mudah dipecahbelahkan oleh kuasa Barat.

5. Perkembangan yang berlaku di Eropah mendorong kuasa imperialisme / kuasa Barat menjalankan dasar imperialisme di Asia Tenggara

Revolusi Perindustrian

Revolusi perindustrian menyebabkan hasil perkilangan dikeluarkan secara besar-besaran. Hal ini menyebabkan mereka memerlukan bahan mentah dan pasaran yang luas. Oleh itu, mereka perlu melakukan penjajahan di Timur terutamanya di China, India dan Asia Tenggara. Hal ini kerana penduduk ramai menjamin pasaran.

Perkembangan Sistem Perhubungan & Pengangkutan

Penciptaan kapal wap membolehkan muatan lebih banyak. Pembukaan Terusan Suez memendekkan jarak perjalanan. Kedua-dua faktor tersebut menyebabkan perjalanan menjadi lebih cepat, selamat dan menjimatkan kos. Penciptaan telegraf mempercepatkan urusan perdagangan menjadi lebih mudah dan berkesan.

Persaingan Kuasa Barat

Di samping itu, negara-negara Barat bersaing antara satu sama lain untuk meluaskan tanah jajahan. Semakin luas tanah jajahan, semakin tinggi sanjungan. Tanah jajahan yang luas melambangkan kekuatan dan kekayaan. Persaingan kuasa Barat menyebabkan negara-negara di Asia Tenggara menjadi mangsa penjajahan.

Pelancaran Slogan

Seterusnya, pelancaran slogan menyebarkan tamadun dilakukan oleh kuasa-kuasa Barat. Slogan “Beban Orang Putih” digunakan oleh British dan Belanda dalam menjalankan imperialisme. Mereka mendakwa mereka lebih maju dan bertamadun. Mereka mahu majukan orang Timur. Perancis pula menggunakan slogan “Tugas Menyebarkan Tamadun”. Mereka hendak mentamadunkan orang Timur.

Penyebaran agama Kristian

Akhir sekali, misi menyebarkan agama Kristian telah dilakukan oleh kuasa Barat. Mubaligh Kristian berhasrat menyebarkan agama Kristian.

6. Kepentingan ekonomi mendorong kuasa Barat melakukan imperialisme

Kedudukannya yang strategik. Asia Tenggara yang terletak antara China dan India memberikan keuntungan dari segi ekonomi. Hal ini menyebabkan kuasa Barat dapat menguasai laluan perdagangan antarabangsa seperti Selat Melaka. Seterusnya berjaya menguasai pelabuhan di laluan perdagangan seperti Melaka.

Imperialis Barat dapat mencari kawasan pasaran yang luas seperti China dan India. Hal ini kerana negara ini memiliki penduduk yang ramai. Pasaran ini bertujuan untuk memasarkan hasil kilang mereka. Hal ini kerana kepesatan Revolusi Perindustrian di Eropah.

Selain itu, kuasa Barat menjajah Asia Tenggara kerana ingin menguasai tanah yang subur. Mereka dapat mengusahakan pertanian komersil. Hasil pertanian dagangan itu boleh memberikan kekayaan kepada

mereka contohnya tanaman getah, teh dan kopi.

Di samping itu, kuasa Barat menjajah Asia Tenggara kerana ingin menguasai kekayaan bahan mentah. Bahan mentah tersebut dapat dibekalkan secara berterusan untuk memenuhi keperluan perkilangan di negara mereka. Contohnya bijih timah untuk mengetin makanan dan getah untuk membuat tayar kereta.

Di samping itu, kuasa Barat menjajah Asia Tenggara kerana membuka peluang kepada syarikat perniagaan mereka meluaskan pelaburan. Syarikat tersebut diberi peluang membuat pelaburan dalam perladangan, perkilangan, perlombongan dan sebagainya. Contohnya SHTI dan VOC.

7. Kesan buruk Imperialisme Barat di Asia Tenggara

Atau

Penjajah Barat mendakwa penjajahan dilakukan untuk mensejahterakan kehidupan rakyat tempatan. Setujukah anda dengan pernyataan tersebut.

Politik

Negara-negara di Asia Tenggara berjaya ditakluki dan diduduki oleh penjajah. Contohnya Sepanyol menduduki Filipina. Seterusnya di tanah jajahan mereka memperkenalkan sistem Birokrasi Barat. Hal ini menyebabkan pentadbiran tempatan terhapus. Contohnya di Tanah Melayu kuasa Sultan terhapus dan hanya berkuasa dalam hal yang berkaitan Islam sahaja. Pengenalan sistem residen dan sistem penasihat menyebabkan kuasa pembesar turut terhapus seperti kuasa memungut cukai, kuasa kehakiman dan perundangan. Sistem perundangan Barat telah menggantikan undang-undang tempatan seperti di Burma British memperkenalkan Akta Kampung Ulu Burma 1887 dan Akta Perkampungan Burma 1889.

Ekonomi

Penjajah Barat telah mengeksploitasi ekonomi tempatan untuk kepentingan mereka. Buktinya mereka telah membawa balik bahan mentah ke negara mereka. Hal ini menyebabkan ekonomi tempatan tidak berkembang. Seterusnya penjajah memperkenalkan sistem cukai yang membebankan. Hal ini menyebabkan berlaku penindasan kepada rakyat dan rakyat tempatan hidup dalam kemiskinan dan taraf hidup yang rendah. Seterusnya penjajah memaksa penduduk tempatan bekerja dalam perladangan dan perlombongan tanpa dibayar upah. Contohnya pengenalan Sistem Tanaman Paksa di Indonesia dan Sistem Tanaman Polo di Filipina. Keadaan ini menyebabkan kehidupan mereka menjadi mundur dan hidup bagai seorang hamba.

Sosial

Penjajah juga campur tangan dalam adat resam tempatan seperti menghapuskan amalan orang suruhan di Perak oleh residen J.W.W Birch. Mereka juga menyebarkan agama Kristian untuk bersaing dengan agama Islam. Rakyat juga terpengaruh dengan gaya hidup oaring Barat seperti dalam pakaian dan makanan. Selain itu dasar-dasar penjajah seperti pengenalan pendidikan vernakular di Tanah Melayu telah memecah belahkan perpaduan rakyat. Di Indonesia pula Belanda telah mengasingkan pendidikan kepada anak golongan *Periyayi* untuk memecahbelahkan perpaduan rakyat.

8. Kesan baik Imperialisme Barat

Pentadbiran

Pengenalan pentadbiran secara moden. Pentadbiran melalui jabatan-jabatan kerajaan seperti tubuhkan Jabatan Cukai, Jabatan Polis. Sistem pemerintahan menjadi lebih sistematik. Memperkenalkan sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Rakyat diberi peluang untuk melibatkan diri dalam politik.

Perundangan

Pengenalan undang-undang Barat yang lebih sistematik dan tersusun. Hal ini kerana wujud pembahagian undang-undang sivil dan jenayah. Penubuhan mahkamah untuk mengendalikan kes-kes jenayah. Sistem kehakiman berbentuk hierarki iaitu daripada Mahkamah Rendah sehingga Mahkamah Persekutuan

Ekonomi

Pengenalan ekonomi moden iaitu perladangan dan perlombongan. Penggunaan teknologi moden dalam pengeluaran seperti penggunaan kapal korek dalam perlombongan bijih timah. Menggalakkan kemasukan pelaburan asing untuk kemajuan ekonomi negara seperti Sime darby dalam sektor perladangan. Kemajuan bank dan insurans untuk memudahkan urusan ekonomi.

Kemajuan bandar

Perkembangan bandar-bandar baru sebagai pusat pentadbiran dan ekonomi. Contohnya bandar Kuala Lumpur dan Ipoh berkembang kesan dari perlombongan bijih timah. Bandar-bandar ini dilengkapi dengan kemudahan sosial seperti balai polis, elektrik

Perkembangan pengangkutan dan perhubungan

Perkembangan ekonomi moden seperti bijih timah dan getah menggalakkan kemajuan pengangkutan. Contohnya jalan kereta api dari Taiping ke Port Weld untuk mengangkut bijih timah.

Kemajuan kesihatan

Pembinaan hospital dan pusat kesihatan bagi menjamin kesihatan pekerja. Contohnya Hospital Tung Shin di Kuala Lumpur. Selain itu mendirikan Institut Penyelidikan Perubatan untuk mengkaji punca penyakit dan langkah pencegahan

9. Hubungkait Imperialisme dengan kemunculan nasionalisme di Asia Tenggara**Politik**

Pengenalan sistem birokrasi barat oleh imperialis Barat tidak memberi peluang kepada penduduk tempatan dalam pentadbiran moden. Sistem ini juga telah melenyapkan sistem pentadbiran tradisional. Seterusnya pengaruh pembesar dan Sultan telah merosot. Hal ini telah mencabar maruah penduduk tempatan. Pegawai-pegawai Barat telah mengambil alih tugas pembesar tempatan. Semua ini telah menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan penduduk tempatan. Maka mereka bangkit menentang kuasa Barat dalam mengembalikan semula pentadbiran tradisional.

Ekonomi

Penjajah Barat telah mengeksploitasi ekonomi tempatan untuk kepentingan mereka. Buktinya mereka telah membawa balik bahan mentah ke negara mereka. Hal ini menyebabkan ekonomi tempatan tidak berkembang. Seterusnya penjajah memperkenalkan sistem cukai yang membebankan. Hal ini menyebabkan berlaku penindasan kepada rakyat dan rakyat tempatan hidup dalam kemiskinan dan taraf hidup yang rendah. Seterusnya penjajah memaksa penduduk tempatan bekerja dalam perladangan dan perlombongan tanpa dibayar upah. Contohnya pengenalan Sistem Tanaman Paksa di Indonesia dan Sistem Tanaman Polo di Filipina. Keadaan ini menyebabkan kehidupan mereka menjadi mundur dan hidup bagai seorang hamba. Hal ini menyebabkan penduduk tempatan memberi sokongan kepada pembesar untuk menentang penjajahan.

Sosial**Pendidikan**

Sistem pendidikan penjajah telah menimbulkan kebencian dalam kalangan penduduk tempatan. Hal ini kerana di Indonesia Belanda telah mengasingkan pendidikan kepada golongan priyayi dengan rakyat biasa. Hal ini untuk memecahbelahkan perpaduan. Di Tanah Melayu pula lepasan sekolah vernakular sukar mendapat pekerjaan serta pendidikan rendah sahaja diberikan kepada penduduk tempatan dan sekolah hanya ditempatkan di bandar sahaja.

Agama

Di Filipina penganut agama Kristian tempatan dianggap kelas kedua berbanding dengan Kristian Sepanyol. Di Burma pengaruh sami Buddha merosot dan mereka ini diletakkan di bawah undang-undang Barat.

Jurang sosial

Penjajah wujudkan jurang sosial dengan menganggap mereka dalam kelas tersendiri. Mereka berdampingan dengan golongan elit tempatan sahaja dan tidak bergaul dengan rakyat biasa.

10. Bagaimana penjajahan bentuk baharu / Imperialisme moden berlaku pada hari Ini.

Melalui penerapan budaya asing

Antara penjajahan bentuk baharu yang berlaku pada hari ini ialah penerapan budaya asing tanpa disedari.

Budaya asing yang menular menerusi filem-filem Barat yang mengandungi unsur keganasan dan seksual. Muzik dari Barat pula seperti k-pop dan rock telah menerap dalam budaya kita.

Media sosial seperti *facebook* dan *twitter* telah mempengaruhi kehidupan harian masyarakat di Timur.

Penerapan budaya asing juga berlaku melalui cara pemakaian yang tidak mencerminkan masyarakat ketimuran seperti pakaian wanita yang menjolok mata.

Gaya bahasa seperti penggunaan bahasa asing dicampur aduk dalam pertuturan bahasa Melayu.

Makanan segera seperti *KFC* dan *Mac Donalds* juga membuktikan penjajahan bentuk baru melalui makanan.

Melalui ekonomi

Dari segi ekonomi, penjajahan bentuk baru berlaku apabila negara maju mengawal kewangan negara. Hal ini dilakukan melalui bantuan dana asing. Kebergantungan kepada tenaga kepakaran dari negara-negara Barat juga membuktikan imperialisme masih berlaku di Asia Tenggara. Contohnya kepakaran kejuruteraan marin adalah dari Barat.

(iii) Melalui politik

Dari segi politik, persaingan antara kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan China negara Asia Tenggara menjadi sasaran kuasa besar untuk mendirikan pengkalan tentera dan menguji senjata di Lautan Pasifik. Kuasa besar juga mengambil kesempatan untuk mencampuri politik dalaman dengan menawarkan bantuan ketenteraan yang berterusan seperti bantuan ketenteraan Amerika Syarikat kepada Filipina.

11. Kesan penjajahan bentuk baharu / imperialisme moden pada hari ini

Kesan pada gaya hidup

Kesannya, generasi muda hari ini gemar mengamalkan budaya hedonisme dan terpengaruh dengan ideologi ekstrimis. Penerapan budaya asing juga menyebabkan terhakisnya nilai ketimuran dan keruntuhan akhlak generasi muda. Misalnya, gejala penyalahgunaan dadah, ketagihan alkohol, aktiviti pelacuran dan seks rambang semakin meningkat. Pakaian wanita yang menjolok mata juga telah menular dalam masyarakat negara kita. Satu lagi kesan yang paling ketara ialah pergaulan bebas dalam kalangan remaja hari ini.

Kesan pada pemikiran masyarakat

Imperialisme Barat juga mempengaruhi pemikiran dan minda masyarakat di mana tanggapan orang Barat itu hebat dan dijadikan sebagai idola mereka. Contohnya graduan dari universiti luar negara seperti Oxford dianggap hebat berbanding dengan graduan dalam negara. Begitu juga pandangan terhadap pemimpin-pemimpin Barat lebih hebat daripada pemimpin di Timur. Barang keluaran dari Barat juga dianggap lebih hebat.

Kesan pada ekonomi negara

Melalui bantuan dana dari negara Barat, negara kita terpaksa tunduk kepada syarat dan peraturan antarabangsa yang ditetapkan oleh kuasa besar. Hal ini menyebabkan negara-negara Barat juga berjaya mengawal kadar nilai mata wang negara-negara di Timur. Negara-negara Timur masih bergantung kepada kepakaran tenaga mahir dari negara Barat. Selain itu masih bergantung kepada teknologi dari Barat.

Kesan Politik

Kehadiran kuasa besar seperti China di Laut China Selatan juga menyebabkan kedaulatan negara Asia Tenggara semakin tercabar. Memberi peluang kepada kuasa barat mencampuri urusan politik di negara kita.

12. Cabaran untuk menyekat penjajahan baharu / imperialisme moden hari ini

Antara cabaranya ialah, **Era Globalisasi** dimana negara-negara Timur tidak boleh terlepas dari perkembangan semasa. Misalnya kebergantungan kepada media sosial seperti *facebook* dan *twitter* penting dalam arus pemodenan. Sekiranya tidak menggunakan media sosial ini akan dianggap ketinggalan zaman.

Cabaran seterusnya negara Timur juga masih ketinggalan dalam pelbagai teknologi moden dan masih bergantung kepada kepakaran dunia Barat. Contohnya dalam bidang telekomunikasi penciptaan peranti mereka seperti *iphone*.

Seterusnya ialah filem-filem Barat iaitu kita tidak dapat menyekat sepenuhnya kemasukan filem-filem barat. Walaupun terdapat penapisan babak-babak yang bertentangan dengan nilai ketimuran seperti keganasan dan seksual masih tak dapat di elakkan.

Masyarakat Timur juga tidak dapat dipisahkan dengan makanan segera dari Barat seperti *KFC* dan *MacDonalds*. Hal ini kerana makanan sebegini dikaitkan dengan kehidupan moden. Selain itu masyarakat yang sibuk dengan kerjaya mereka terpaksa bergantung kepada makanan segera ini.

Seterusnya negara Timur juga masih bergantung kepada kemajaun pendidikan Barat. Pelajar-pelajar dari Timur masih melanjutkan pelajaran di Barat dan terpengaruh dengan budaya mereka.

13. Langkah / persediaan menghadapi imperialisme moden pada hari ini.

Perubahan pemikiran.

Pertamanya masyarakat negara kita perlu mengubah pemikiran yang menganggap orang Barat itu hebat. Mereka perlu lebih yakin dengan kebolehan mereka sendiri seperti pemikiran orang Jepun. Masyarakat di negara kita perlu menyokong slogan 'Malaysia Boleh' supaya tidak perlu bergantung kepada negara lain.

Berdaya saing

Langkah seterusnya ialah, masyarakat Timur perlu berdaya saing dengan Barat dalam menguasai teknologi moden seperti penguasaan ICT. Contohnya telefon bimbit Samsung dari Korea Selatan dapat bersaing dengan *iphone* dari Amerika Syarikat. Untuk ini rakyat di negara kita juga perlu menguasai ilmu pengetahuan khususnya dalam sains dan teknologi.

Semangat Jati diri

Langkah seterusnya ialah, rakyat tempatan perlu memiliki jati diri iaitu bangga dengan pencapaian tempatan. Selain itu semangat jati diri ini menyebabkan rakyat akan yakin dengan diri kita. Hal ini menyebabkan kita bersemangat untuk mencipta kejayaan di peringkat antara bangsa.

Menghayati Rukun Negara

Rakyat juga perlu menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara supaya dapat hidup bersatu padu. Hal ini penting untuk menanamkan semangat mencintai negara dan sanggup berkorban untuk negara. Ini seterusnya rakyat akan menolak pengaruh Barat yang negatif.

Menyokong dasar-dasar kerajaan

Seterusnya rakyat perlu menyokong dasar-dasar kerajaan seperti TN50. Rakyat juga harus membayar GST supaya pendapatan negara cukup untuk melaksanakan sebarang projek pembangunan.

14. Cabaran untuk mempertahankan kedaulatan negara

Bangsa Malaysia yang tidak bersatu padu

Cabaran pertama ialah bangsa Malaysia yang tidak bersatu padu. Hal ini boleh mengundang ketegangan kaum yang menggugat kestabilan politik negara serta menjejaskan keamanan negara. Contohnya insiden Plaza Low Yat. Hal ini boelh memecahbelahkan perpaduan pelbagai kaum di negara kita. Situasi ini memberi laluan kepada musuh luar untuk campur tangan dalam hal-hal di negara kita.

Kurangnya semangat cinta akan negara.

Hal ini berlaku kerana, tidak menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara. Rakyat tidak setia kepada Raja dan Negara. Semangat berkorban untuk negara semakin pudar. Seterusnya rakyat tidak menghormati undang-undang negara . Seterusnya tidak menghormati kandungan Perlembagaan Negara.

Pengaruh media sosial

Media sosial seperti *facebook* dan *twitter* sering digunakan untuk memuatkan isu-isu sensitif seperti keagamaan, budaya sesuatu kaum. Hal ini boleh mewujudkan susasana tidak harmoni dalam kalangan pelbagai kaum di negara kita. Generasi muda juga mudah terpengaruh dengan berita-berita palsu di media sosial ini.

Pengaruh gaya hidup moden

Generasi muda lebih mementingkan diri daripada kepentingan negara. Tanggapan hal-hal negara bukan tanggung jawab mereka. Mereka lebih mementingkan kebendaan dan mateliastik. Seterusnya tidak menguasai ilmu sejarah. Hal ini menyebabkan tidak mengenali jasa dan sumbangan tokoh-tokoh kemerdekaan negara. Hal ini menyebabkan rakyat cenderung untuk mengulangi kesilapan masa lampau.

15. Peranan warganegara Malaysia dalam usaha mengekalkan kedaulatan negara.

Antara peranan warganegara Malaysia dalam mengekalkan kedaulatan negara ialah,

Hidup satu padu

Pertamanya rakyat pelbagai kaum di negara kita perlu hidup bersatu agar politik negara sentiasa stabil dan keamanan negara dapat dikekalkan. Hal ini menyebabkan rakyat hidup dalam keadaan harmoni dan tiada huru-hara dalam negara. Rakyat perlu bertolak ansur untuk mengelakkan perselisihan faham antara kaum. Amalan pakatan murni seperti ketika mencapai kemerdekaan negara perlu diteruskan.

Menghayati prinsip Rukun Negara

Keduanya rakyat perlu menghayati prinsip Rukun Negara. Hal ini dapat mengukuhkan perpaduan kaum. Rakyat perlu memiliki sikap taat dan setia kepada raja dan negara supaya musuh negara dapat dihapuskan. Seterusnya rakyat perlu mematuhi undang-undang negara agar sentiasa hidup berdisiplin. Selain itu rakyat perlu menghormati Perlembagaan Negara kita supaya isu-isu sensitif seperti mengungkitan kedudukan istimewa orang Melayu dapat dielakkan.

Mencintai keamanan

Seterusnya rakyat perlu mencintai keamanan dengan menolak unsur keganasan dalam kehidupan. Rakyat perlu menjauhi dari menyertai kumpulan pengganas seperti militan daesy dan IS. Rakyat Malaysia perlu mendokong prinsip kesederhanaan atau Wasatiah.

Menguasai ilmu pengetahuan

Selain itu rakyat harus menguasai ilmu pengetahuan khasnya sains dan teknologi. Hal ini penting untuk mengelak pergantung kepada negara Barat. Ini seterusnya dapat meningkatkan daya saing negara kita. Seterusnya penguasaan ilmu pengetahuan ini turut memajukan ekonomi negara kita. Ini dapat meningkatkan pendatan negara dan rakyat serta taraf hidup rakyat boleh dipertingkatkan. Keadaan ini dapat membendung penjajahan melalui ekonomi.

16. Mengapa kita perlu mengekalkan kedaulatan negara

Mengekalkan sistem pemerintahan Beraja

Kita perlu mengekalkan kedaulatan negara supaya pemerintahan beraja sejak kesultanan Melayu Melaka dapat diteruskan. Hal ini penting untuk mengekalkan warisan dan identiti bangsa kita. Sistem amalan demokrasi berparlimen dan sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan terus dipelihara. Hal ini membolehkan kita menjalankan pentadbiran mengikut acuan sendiri.

Majukan ekonomi negara

Seterusnya kita perlu mengekalkan kedaulatan ini untuk memajukan ekonomi negara. Rakyat bebas menentukan hala tuju kemajuan ekonomi dan kerajaan boleh merangka dasar-dasar ekonomi sendiri tanpa tunduk kepada kuasa asing seperti pengenalan Dasar Ekonomi Baru. Hal ini dapat memastikan taraf hidup rakyat yang tinggi serta rakyat dapat hidup lebih makmur. Keadaan ini dapat mengurangkan pergantungan ekonomi negara kita kepada negara Barat. Seterusnya dapat merapatkan jurang ekonomi antara kaum dan antara wilayah.

Mewujudkan perpaduan

Pengekalan kedaulatan juga penting untuk mengekalkan perpaduan antara kaum. Hal ini dapat dilakukan dengan pengenalan sistem pendidikan kebangsaan serta penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua sekolah dan sebagai bahasa kebangsaan. Kita juga dapat mengelakkan pentadbiran ketika British seperti dasar pecah dan perintah. Malaysia telah mementingkan dasar integrasi nasional.

Kebebasan asasi

Seterusnya kedaulatan negara dapat menjamin kebebasan asasi seseorang. Antara kebebasannya adalah kebebasan bersuara, kebebasan beragama serta kebebasan memiliki harta. Hal ini membuktikan tiada penindasan kepada rakyat.

17. Iktibar yang boleh diambil daripada penjajahan kuasa Barat ke atas negara-negara Asia Tenggara

Perlu menguasai ilmu pengetahuan

Iktibar daripada penjajahan kuasa Barat ialah, rakyat perlu menguasai ilmu pengetahuan. Hal ini penting untuk melengkapkan diri kita dengan perkembangan semasa. Selain itu ilmu pengetahuan dapat memantapkan sistem pertahanan negara dan menyaingi kekuatan ketenteraan kuasa Barat.

Perlu mengukuhkan perpaduan

Iktibar seterusnya ialah perlu mengukuhkan perpaduan rakyat. Hal ini kerana perpaduan dapat menjadi benteng menghalang sebarang penjajahan kuasa luar. Perpaduan ini dapat mewujudkan semangat kerjasama pelbagai kaum untuk menentang musuh-musuh negara. Perpaduan ini juga dapat mengelakkan rakyat dipengaruhi oleh dakyah-dakyah kuasa Barat.

Perlu mementingkan kedaulatan negara

Selain itu ketika penjajahan kuasa barat kehidupan rakyat mundur, miskin dan ditindas. Hal ini menyebabkan kedaulatan negara penting untuk meningkatkan taraf hidup rakyat supaya rakyat dapat hidup sejahtera dan memiliki kebebasan seperti kebebasan bersuara.

Menghargai sumbangan tokoh-tokoh kemerdekaan negara.

Iktibar seterusnya rakyat perlu menghargai sumbangan tokoh-tokoh kemerdekaan seperti Tunku Abdul Rahman. Hal ini penting untuk menanam semangat mencintai negara dan sanggup berkorban untuk bangsa dan negara. Rakyat harus mengutamakan kepentingan negara daripada kepentingan diri sendiri.

18. Nilai patriotisme yang boleh diterapkan melalui penjajahan kuasa Barat

Memiliki semangat cinta terhadap negara

Semangat ini membolehkan seseorang sanggup berkorban untuk negara. Seterusnya sentiasa mementingkan kepentingan negara. Selain itu semangat ini mendorong menyokong dasar-dasar kerajaan dan tidak menghina pemimpin negara.

Taat setia kepada Raja dan Negara

Seterusnya menanamkan sifat taat setia kepada Raja dan negara. Kesetiaan kepada negara dapat membendung penjajahan kuasa Barat. Rakyat akan mempertahankan maruah bangsa kita serta tidak mudah terpedaya dengan dakyah kuasa barat.

Mengukuhkan perpaduan

Perpaduan rakyat penting untuk mengekalkan kedaulatan negara kita. Semangat ini membolehkan rakyat pelbagai kaum sentiasa kejasama dalam menghadapi sebarang bentuk penjajahan. Perpaduan kaum asas kepada kemajuan negara.

Memiliki jati diri

Seterusnya penjajahan memperkukuhkan semangat jati diri kita. Hal ini telah memberi keyakinan kepada bangsa kita untuk terus mencapai kejayaan dan bersaing dengan kuasa Barat. Jati diri ini dapat memperkukuhkan identiti bangsa dan negara kita.

19 Kesimpulan yang dapat dirumuskan daripada keseluruhan isi

(a) *Pengetahuan yang diperoleh*

(b) *Nilai patriotisme yang boleh dihayati*

(c) *Harapan menjadikan negara dan bangsa Malaysia unggul di mata dunia.*

Pengetahuan

Imperialisme Barat

Pengetahuan yang diperoleh ialah penjajahan kuasa Barat ke atas negara Asia Tenggara untuk kepentingan ekonomi mereka. Rakyat ketika penjajahan Barat hidup dalam kesengsaraan dan penderitaan. Kuasa Barat mudah menjajah negara-negara Asia Tenggara kerana kelemahan pentadbiran tradisional kita. Kesan penjajahan ini juga telah mencetuskan semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat tempatan

Atau

Birokrasi barat

Pengetahuan yang diperoleh ialah kuasa Barat mengubah sistem pentadbiran tradisional tempatan untuk menguasai ekonomi dan kedudukan politik mereka. Seterusnya ada beberapa ciri-ciri birokrasi barat ini masih berkekalan di negara kita sehingga hari ini seperti penubuhan jabatan-jabatan kerajaan.

Nilai Patriotisme

Nilai patriotisme yang boleh kita hayati ialah kita mestilah memiliki jati diri yang tinggi dan tidak mudah menerima pengaruh luar. Kita juga mestilah sanggup berkorban dalam mempertahankan tanah air daripada penjajahan asing. Hal ini menyebabkan kita dapat mengekalkan kedaulatan dan kemerdekaan tanah air. Kita mestilah mempunyai sikap taat dan setia kepada Raja dan negara. Contohnya, kita mestilah sentiasa bersedia untuk mengekalkan perpaduan kaum. Dengan perpaduan tersebut, kita bukan sahaja dapat mengekalkan kedaulatan, malah berjaya mengisi kemerdekaan tersebut dengan kemajuan.

Harapan Kepada Bangsa dan Negara

Harapan saya kepada bangsa dan negara ialah, kita terus mengekalkan kedaulatan negara kita supaya identiti bangsa dan negara terus terpelihara. Seterusnya rakyat perlu memajukan ekonomi negara supaya tidak bergantung kepada negara Barat. Selain itu, negara perlu menjalankan pentadbiran mengikut acuan kita sendiri.

Bil	Perkara
1	Ciri-Ciri umum sistem Birokrasi Barat di Asia Tenggara
2	Perbandingan sistem pemerintahan sebelum dan semasa penjajahan di Asia Tenggara
3	Birokrasi Barat di Thailand / Mengapakah Thailand berjaya mengekalkan kedaulatan
4	Pemodenan pentadbiran penting untuk negara.
5	Birokrasi Barat di Thailand boleh dijadikan panduan
6	Usaha yang dilakukan oleh Imperialis Barat untuk meneruskan dasar penjajahan mereka
7	Kesan buruk Birokrasi barat di Asia Tenggara
8	Kesan baik Birokrasi Barat di Asia Tenggara
9	Ramalkan keadaan sekiranya tiada pengenalan birokrasi Barat di Asia Tenggara
10	Birokrasi Barat masih wujud sehingga hari ini. Buktikan

Perubahan dalam sistem pemerintahan atau sistem politik di Asia Tenggara.

1.Ciri-Ciri Umum Sistem Birokrasi Barat di Asia Tenggara

Antara ciri-ciri umum birokrasi Barat ialah penubuhan kerajaan pusat dengan menyatukan wilayah-wilayah di tanah jajahan. Seterusnya perlantikan Gabenor jeneral sebagai ketua pentadbir di tanah jajahan. Selain itu pelaksanaan pentadbiran melalui biro dan melantik pegawai Barat sebagai ketua biro. Akhirnya pengenalan undang-undang Barat menggantikan undang-undang setempat.

2.Perbandingan sistem pemerintahan sebelum dan semasa penjajahan di Asia Tenggara.

Filipina

Sebelum kedatangan Sepanyol, Filipina terdiri daripada daerah-daerah kecil yang dikenali sebagai barangay yang diperintah oleh golongan datu. Di selatan kepulauan Filipina pula wujud kerajaan-kerajaan Islam.

Setelah berjaya menguasai Filipina, Sepanyol kemudiannya memperkenalkan sistem pentadbiran berpusat dengan Gabenor Jeneral sebagai pemerintah tertinggi. Pentadbiran pada peringkat tempatan pula dilaksanakan dibawah Sistem Encomienda yang diketuai oleh Encomiendero. Tugas Encomiendero ialah menjaga keamanan, mengutip cukai dan mengkristiankan penduduk barangay. Sistem ini dibenci oleh penduduk Filipina kerana sistem ini mengenakan cukai yang tinggi dan kerahan tenaga kepada mereka. Penyatuan barangay telah menyebabkan kemerosotan terhadap sistem pemerintahan tradisional dan pengaruh golongan datu.

Indonesia

Sebelum kedatangan Belanda, Indonesia terdiri daripada beberapa buah kerajaan yang berasingan seperti kerajaan Mataram dan Bantam di Jawa. Kerajaan tersebut diketuai oleh raja dan dibantu oleh golongan pembesar. Pada peringkat pemerintahan tempatan, pentadbiran diketuai oleh pembesar daerah atau Bupati (di Jawa).

Setelah menguasai Indonesia, Belanda membahagikan pentadbiran kepada dua iaitu pentadbiran pusat dan pentadbiran tempatan. Pentadbiran pusat diketuai oleh Gabenor Jeneral. Pentadbiran tempatan pula di kendalikan oleh pembesar tempatan dengan penguasaan pegawai Belanda. Jabatan kerajaan ditubuhkan antaranya Jabatan Pelajaran dan Jabatan Pertanian. Dewan tempatan ditubuhkan sebagai penasihat pentadbiran Belanda tetapi tidak ada kuasa perundangan. Terdapat juga Volksraad yang merupakan Majlis Rakyat yang dianggap sebagai satu langkah ke arah kemerdekaan. Penubuhannya hasil desakan Sarekat Islam.

Burma

Sebelum kedatangan British, Burma telah mengamalkan sistem pemerintahan beraja di bawah Dinasti Konbaung. Raja mengetuai pentadbiran. Di bawah raja terdapat Hluttaw (Majlis Diraja) dan Wun (Pegawai tinggi kerajaan). Seterusnya Myothugyi yang mengetuai Bandar. Diikuti Ahmudan yang merupakan Pegawai Diraja. Yang terakhir diikuti oleh Athi iaitu Pembesar-pembesar tradisional. Raja merupakan penaung kepada sami Buddha.

Setelah penguasaan British terhadap Burma telah menyebabkan Dinasti Konbaung berakhir, Institusi raja tersingkir dan jawatan pembesar tradisional pada peringkat pusat terhapus. Pesuruhjaya Tinggi British menjadi pemerintah tertinggi di Burma. Pengenalan Akta Kampung Ulu Burma 1887 dan Akta perkampungan Burma 1889 telah melenyapkan terus sistem pentadbiran tradisional. Pentadbiran daerah diambil alih oleh Myo-ok (Pegawai Bandaran) dan sistem undang-undang barat diperkenalkan. Pengaruh golongan agama merosot berikutan fungsi raja sebagai penaung sami Buddha telah diambil alih oleh undang-undang barat. Majlis perundangan telah diperkenalkan. Beberapa jabatan seperti Jabatan Perhutanan, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Pelajaran telah ditubuhkan.

Indochina

Sebelum kedatangan Perancis, negeri-negeri di Indochina ditakbir oleh sebuah kerajaan pusat berkuasa mutlak yang memberikan kuasa penuh kepada pembesar tempatan. Setiap birokrasi diketuai oleh golongan Mandarin. Golongan Mandarin di Vietnam dipengaruhi oleh sistem pentadbiran tanah besar China. Golongan ini dipilih melalui peperiksaan dalam bidang Bahasa dan Kesusasteraan China.

Setelah dikuasai oleh Perancis pentadbiran di Indochina diketuai oleh seorang Gabenor Jeneral yang bertanggungjawab terus kepada Kementerian Tanah Jajahan di Paris. Perancis telah membentuk kerajaan pusat dengan menubuhkan Union Indochinoise. Semua rang undang-undang di Indochina diluluskan oleh Parlimen Perancis. Walaupun begitu, pentadbiran kerajaan tempatan tidak dicampuri oleh kerajaan pusat tetapi mereka perlu membayar cukai dan menyediakan kerahan tenaga.

Tanah Melayu

Sebelum kedatangan Portugis, Kesultanan Melayu Melaka mengamalkan Sistem Pembesar Empat Lipatan dan ini menjadi ikutan kebanyakan negeri melayu.

Setelah penaklukan Portugis terhadap Melaka telah meruntuhkan institusi beraja di Melaka. Semasa pemerintahan Belanda institusi raja ini terus terhapus. Semasa pemerintahan British, Melaka, Singapura dan Pulau Pinang telah digabungkan menjadi Negeri-Negeri Selat (NNS). Gabenor perupakan pemerintahan tertinggi NNS dan beliau dibantu oleh residen kaunselor bagi ketiga-tiga negeri tersebut. Pentadbiran pada peringkat kampung oleh penghulu dikekalkan. Di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu iaitu Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan, British telah memperkenalkan Sistem Residen. Di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu iaitu Kedah, Kelantan, Terengganu, Perlis dan Johor, British memperkenalkan Sistem Penasihat. Residen dan Penasihat British diletakkan dibawah Gabenor Negeri-Negeri Selat. Tugas utama Residen dan Penasihat British untuk menasihati sultan dalam semua perkara kecuali hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu. British juga telah memperkenalkan pelbagai perubahan seperti sistem kehakiman barat, pembahagian negeri kepada beberapa daerah dan penubuhan balai polis. Walau pun struktur pentadbiran di negeri-negeri melayu tidak berubah namun peranan raja dan pembesar melayu telah terjejas.

3. Birokrasi Barat di Thailand

Atau

Mengapakah Thailand berjaya mengekalkan kedaulatan negaranya.

Hal ini kerana Thailand telah memperkenalkan sistem birokrasi Barat. Sistem birokrasi barat ini telah diperkenalkan sendiri oleh raja Mongkut dan Raja Chulalongkorn.

Raja Mongkut telah melantik 80 orang penasihat barat untuk mengetuai pelbagai jabatan di samping melatih pegawai-pegawai tempatan. Penasihat kewangan dan pelabuhan serta polis di bawa dari Britain. Penasihat Kastam dan ketenteraan masing-masing dari Amerika Syarikat dan Perancis.

Raja Chulalongkorn telah memperkenalkan Majlis Penasihat Rendah, Majlis Mesyuarat Tertinggi dan Kabinet Menteri. Juru Audit dari Britain telah dilantik untuk berkhidmat dalam perbendaharaan negara. Sehubungan dengan itu, telah muncul golongan baru terdiri daripada pentadbir yang mempunyai kedudukan dalam birokrasi moden berdasarkan tahap pendidikan mereka.

Pada tahun 1932, sistem raja berperlembagaan yang diamalkan di barat telah diperkenalkan bagi menggantikan sistem raja berkuasa mutlak. Perubahan ini telah mengurangkan pengaruh pembesar tradisional dan institusi raja. Pemodenan pentadbiran yang dilakukan merupakan faktor penting dalam megekalkan kemerdekaan Thailand.

4. Pemodenan pentadbiran penting kepada sesebuah negara.

Pemodenan pentadbiran dapat mengekalkan *kedaulatan* sesebuah negara. Hal ini kerana dapat mengurangkan pergantungan kepada negara lain. Kita mampu memajukan sendiri ekonomi negara kita. Keadaan ini dapat mengelak campur tangan pihak luar.

Selain itu pemodenan pentadbiran dapat mewujudkan pentadbiran yang licin, sistematik dan efisien. Contoh jabatan-jabatan kerajaan di negara kita sudah mula menggunakan sistem "on-line" dengan menggunakan internet. Hal ini dapat menjimatkan kos dan mempercepatkan sesuatu pengurusan. Contohnya e-cukai.

Seterusnya pemodenan pentadbiran dapat meningkatkan mutu dan kecekapan sektor awam di negara kita. Pelanggan menggunakan kemudahan untuk berurusan dengan lebih cekap dan pantas melalui laman web. Tambahan pula pemodenan pentadbiran seperti penggunaan laman web dapat mengurangkan gejala rasuah. Hal ini kerana permohonan atas talian dapat mengelakan bertemu muka antara pelanggan dengan pegawai perkhidmatan. Hal ini menunjukkan Negara kita perlu memodenkan lagi pentadbiran Negara untuk lebih cemerlang dan gemilang

5. Birokrasi Barat di Thailand boleh dijadikan panduan

Kewibawaan dan kepimpinan pemerintah Thailand seperti Raja Mongkut dan Raja Chulalongkor harus dicontohi. Mereka berani membuat perubahan dalam pentadbiran kerana sedar akan perkembangan pemodenan jabatan-jabatan kerajaan di negara Barat. Negara kita juga perlu memodenkan pentadbiran untuk mewujudkan pentadbiran yang licin, sistematik dan berkesan.

Setersunya sifat keterbukaan pemimpin patut dicontohi. Contohnya Raja Mongkut sedia membawa masuk kepakaran luar untuk majukan dan memodenkan pentadbiran negara. Ini menunjukkan beliau seorang pemerintah yang berpandangan jauh dan berwawasan.

Selain itu kemajuan birokrasi di Thailand melahirkan rakyat yang berfikir liberal, demokrasi dan raja berperlembagaan. Ini dapat melahirkan rakyat yang matang, berfikir terbuka dan bertanggungjawab. Ini penting kepada kemajuan sesebuah negara.

6. Usaha yang dilakukan oleh imperialis Barat untuk meneruskan dasar penjajahan mereka di Asia Tenggara.

Pengenalan sistem birokrasi Barat

Imperialis Barat mengukuhkan kedudukannya melalui pengenalan sistem birokrasi. Sistem beraja telah dihapuskan dan digantikan penubuhan kerajaan pusat. Contohnya, Union Indochinoise di IndoChina serta Kerajaan Negeri Selat dan Negeri Melayu Bersekutu di Tanah Melayu. Gabenor Jeneral telah mengambil alih kuasa raja untuk mengetuai pemerintahan kerajaan pusat. Dengan peralihan Gabenor Jeneral, raja bukan sahaja telah kehilangan kuasa, tetapi pemerintahan tanah jajahan dikuasai oleh penjajah sepenuhnya.

Penubuhan jabatan

Imperialis Barat juga mengukuhkan kedudukan mereka dengan cara menubuhkan jabatan kerajaan (biro). Jabatan Pertanian, Jabatan Kerja Raya, Polis dan sebagainya telah ditubuhkan. Ketua jabatan berbangsa penjajah dilantik untuk menjalankan pentadbiran jabatan. Hal ini menyebabkan pentadbiran dapat dijalankan mengikut cara barat. Oleh itu, segala dasar yang dilaksanakan dapat mengukuhkan kedudukannya sebagai penjajah.

Pengenalan undang-undang Barat

Selain itu, kuasa imperialisme Barat mengukuhkan kedudukan mereka dengan menguatkuasakan undang-undang barat. Contohnya, Akta Perkampungan Burma dan Akta Ulu Burma telah diperkenalkan oleh British di Myanmar. Pelaksanaan undang-undang tersebut melenyapkan penguasaan pembesar tradisional tempatan dalam pentadbiran. Di Tanah Melayu pula, British memperkenalkan Akta Tanah Simpanan Melayu dan Enakmen Tanah Padi. Undang-undang tersebut menafikan penglibatan orang Melayu dalam pertanian komersil. Paksaan undang-undang tersebut ke atas pemimpin dan rakyat tempatan menyebabkan mereka berjaya menguasai pentadbiran dan ekonomi tanah jajahan.

Mengeksploitasi ekonomi

Kuasa imperialis Barat mengukuhkan kedudukannya dengan cara mengeksploitasi ekonomi negara tanah jajahannya. Contohnya, British dan Belanda menguasai bijih timah di Tanah Melayu dan Indonesia. Filipina mengeksploitasi pertanian komersil di Filipina melalui pelaksanaan Sistem Polo. Belanda pula menindas rakyat Indonesia melalui Sistem Tanaman Paksa. Hal ini menyebabkan mereka berjaya mengukuhkan ekonomi dengan cara mengaut sumber kekayaan tanah jajahan.

Dasar pecah dan perintah

Di samping itu, imperialis Barat juga mengukuhkan kedudukan mereka dengan cara memecahbelahkan masyarakat tempatan. Contohnya, di Tanah Melayu, British memperkenalkan sistem pendidikan vernakular untuk mengasingkan kaum mengikut etnik masing-masing. Di Indonesia, Belanda

mengasingkan anak golongan priyayi dengan anak orang kebanyakan. Tindakan yang diamalkan berjaya memecahkan perpaduan rakyat tempatan. Oleh itu, tidak timbul penentangan terhadap mereka.

7. Kesan buruk birokrasi Barat di Asia Tenggara

Di Burma, sistem pemerintahan beraja di bawah Dinasti Konbaung telah berakhir institusi raja tersingkir dan jawatan pembesar tradisional pada peringkat pusat telah terhapus kerana Pesuruhjaya Tinggi British menjadi pemerintah tertinggi di Burma. Pengaruh golongan agama Buddha merosot kerana diletakkan di bawah undang-undang Barat.

Perundangan peribumi juga telah diubahsuai atau ditukar agar menyerupai sistem Barat. Di Burma telah diperkenalkan Akta Kampung Ulu Burma (1887) dan Akta Perkampungan Burma (1889) yang melenyapkan pemerintahan tradisional.

Di Filipina, berlaku kemerosotan sistem pemerintahan tradisional dan pengaruh golongan datu merosot ekoran dari pengenalan sistem Encomienda. Pengenalan cukai tinggi dan amalan kerahan tenaga telah menindas penduduk tempatan

Di Indonesia diperkenalkan Dewan Tempatan dibentuk berfungsi sebagai penasihat pentadbiran Belanda tetapi tiada kuasa undang-undang.

di IndoChina, golongan Mandarin telah kehilangan kuasa. Segala undang-undang diluluskan oleh Parlimen Perancis.

Di Tanah Melayu, diperkenalkan sistem residen dan sistem penasihat. Tugas utama residen dan penasihat British adalah untuk menasihati Sultan dalam semua perkara kecuali hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu. Sistem ini telah menghapuskan kuasa Sultan dalam pentadbiran. Sultan terpaksa menerima nasihat residen dan penasihat. Kuasa pembesar juga turut terhapus seperti tidak lagi berkuasa dalam pungutan cukai.

8. Kesan baik pengenalan birokrasi Barat di Asia Tenggara

Antara kebajikannya ialah pertamanya wujudnya **pentadbiran** yang cekap dan sistematik. Hal ini kerana wujudnya jabatan-jabatan kerajaan seperti jabatan pertanian, jabatan cukai dan jabatan tanah. Sistem cukai dipusatkan di bawah kerajaan dan hasilnya boleh digunakan untuk pembangunan negara.

Membawa kepada kemajuan **ekonomi negara**. Hal ini kerana pembukaan ladang-ladang getah dan perlombongan bijih timah di Tanah Melayu. Ini telah memberikan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Kemajuan ekonomi ini turut memajukan bandar-bandar baru seperti Kuala Lumpur dan Ipoh kerana perlombongan bijih timah. Kemajuan ekonomi juga turut membina banyak bank-bank tempatan seperti Kwong Yik Bank. Seterusnya kemajuan dalam sistem pengangkutan seperti Jalan kereta api dan jalan raya.

Kemasukan **pelaburan asing** seperti syarikat-syarikat dari Britain melabur dalam sektor perladangan. Hal ini kerana birokrasi barat telah wujudkan sistem politik yang stabil dan negara yang aman dengan adanya balai polis dan sistem kehakiman

9. Ramalkan keadaan sekiranya tiada birokrasi Barat di Asia Tenggara.

Pentadbiran tradisional terus dikekalkan. Di Tanah Melayu Sultan terus berkuasa dan memiliki kuasa mutlak dalam pentadbiran. Sultan terus berkuasa melantik pembesar. Di Burma institusi beraja terus dikekalkan dan kedudukan sami Buddha terus terbela. Di Melaka institusi beraja terus kekal sehingga hari ini.

Kuasa pembesar terus terjamin. Sistem pungutan cukai di bawah kuasa pembesar. Tiada mahkamah Barat

kerana kuasa kehakiman di bawah kuasa pembesar. Pembesar terus menjadi hakim dan berkuasa dalam menjatuhkan hukuman.

Pentadbiran negara akan kurang cekap kerana tiada penubuhan jabatan-jabatan kerajaan. Pentadbiran juga tidak moden.

Berlaku kelembapan dalam ekonomi. Pergantungan terus kepada ekonomi tradisional seperti penanaman padi secara kecil-kecilan. Peluang pekerjaan kurang dan pengangguran meluas. Hal ini menyebabkan kemajuan bandar kurang kerana perdagangan lembab. Kemajuan pengangkutan seperti jalan raya dan jalan kereta api terbantut menyebabkan kemudahan pengangkutan kurang cekap. Kurang penubuhan bank dan hospital. Pelaburan dari Barat juga akan terjejas. Malaysia tidak lagi menjadi pengeluar utama getah dan bijih timah.

10. Birokrasi Barat masih wujud sehingga hari ini. Buktikan

Pentadbiran

Pentadbiran pusat yang telah diperkenalkan oleh kuasa Barat masih diamalkan di negara kita. Pembentukan Negara Persekutuan iaitu sebuah Kerajaan Persekutuan dan beberapa Kerajaan Negeri adalah pengaruh sistem birokrasi Barat. Pentadbiran melalui jabatan-jabatan masih diteruskan. Contohnya jabatan pelajaran, jabatan pertanian dan jabatan kesihatan. Pentadbiran pusat, daerah dan kampung ketika birokrasi Barat masih diamalkan. Pentadbiran daerah yang diketuai oleh pegawai daerah adalah pengaruhi birokrasi barat. Wujudnya sistem kementerian seperti di Malaysia terdapat 26 kementerian untuk menmguruskan jabatan-jabatan kerajaan.

Konsep pengasingan kuasa

Pengasingan kuasa antara Badan Perundangan, Badan Pelaksana dan Badan Kehakiman adalah pengaruh birokrasi Barat. Pengasingan kuasa ini dapat mengelakkan pembolotan kuasa oleh pihak-pihak tertentu. Hal ini menjamin pentadbiran yang licin dan adil.

Sistem Perundangan

Sistem perundangan Barat masih diamalkan di negara kita. Terdapat mahkamah persekutuan yang membicarakan kes jenayah dan sivil adalah pengaruh birokrasi Barat. Akta dan enakmen yang digubal ada pengaruh birokrasi Barat khasnya dari British.

Sistem Pilihan Raya

Pilihan raya diadakan untuk memilih kerajaan dan pemimpin negara adalah pengaruh birokrasi Barat. Melalui sistem ini wujud sistem Parlimen dan amalan demokrasi di negara kita.

Persediaan Tambahan

Tajuk Nasionalisme di Asia Tenggara

1. Maksud Nasionalisme

Nasioanalisme bermaksud perasaan cinta akan bangsa dan negara yang membawa kepada gerakan membesakan tanah air daripada kuasa penjajah. Nasionalisme tidak terhad kepada pembebasan kuasa politik sahaja tetapi pembebasan daripada cengkaman ekonomi dan kebudayaan asing seperti bahasa.

Gerakan nasionalisme merupakan usaha masyarakat tempatan menentang apa sahaja bentuk tekanan atau penjajahan terhadap mereka oleh kuasa luar.

Di Malaysia, penentangan terhadap British telah dilakukan oleh pemimpin dan rakyat tempatan sejak abad ke-19. Gerakan nasionalisme secara menyeluruh bermula pada abad ke-20.

2.Faktor – faktor kemunculan nasionalisme di Asia Tenggara

Dasar penjajah Barat telah menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan rakyat negara-negara di Asia Tenggara. Sistem birokrasi Barat yang diperkenalkan tidak memberikan peluang yang sewajarnya kepada rakyat tempatan dalam sistem pentadbiran moden. Rakyat tempatan terus kekal dalam ekonomi

tradisional yang serba kekurangan. Malah dasar ekonomi penjajah seperti Sistem Tanaman Paksa di Indonesia dan Sistem Polo di Filipino jelas menindas penduduk peribumi. Penjajah juga telah mewujudkan jurang sosial dengan menganggap bahawa mereka berada dalam kelas yang tersendiri. Selain itu mereka hanya layak berdampingan sesama mereka dan bergaul dengan golongan elit tempatan yang terdiri daripada golongan bangsawan serta golongan pegawai kerajaan yang berpendidikan Barat. Dasar keterbukaan penjajah terhadap kemasukan imigran pula menimbulkan rasa tidak puas hati rakyat tempatan kerana penguasaan golongan tersebut dalam bidang ekonomi.

Pengaruh agama begitu jelas dalam mencetuskan nasionalisme di Asia Tenggara. Agama telah berjaya menyatukan rakyat tempatan untuk menghadapi penindasan dan pengaruh kebudayaan Barat serta agama Kristian. Kemunculan Gerakan Islah di Indonesia dan di Tanah Melayu serta penubuhan Persatuan Belia Buddha (1906) di Burma pada peringkat awal gerakan nasionalisme di Asia Tenggara menunjukkan peranan agama sebagai alat perpaduan dan golongan agama sebagai pencetus nasionalisme. Gerakan Islah telah memperjuangkan Pan-Islamisme, iaitu penyatuan dunia Islam menentang penjajah Barat. Agama Kristian yang diperkenalkan oleh Sepanyol telah menyatupadukan penduduk peribumi untuk menentang kuasa tersebut. Keadaan ini berlaku kerana penganut Kristian tempatan dianggap kelas dua berbanding penganut Kristian berbangsa Sepanyol.

Sistem pendidikan juga merupakan antara faktor yang mencetuskan nasionalisme. Ini adalah kerana sikap penjajah mengamalkan sikap pilih kasih dalam menyediakan kemudahan pendidikan dengan mengutamakan sekolah yang menggunakan bahasa penjajah sebagai bahasa pengantar. Penjajah hanya memberikan pendidikan pada peringkat rendah dan terhad kepada golongan elit dan penduduk bandar. Misalnya, Indonesia, anak golongan priyayi diberikan pendidikan yang tersendiri dan diasingkan daripada anak orang kebanyakan. Sikap pilih kasih yang diamalkan oleh kerajaan Belanda ini bertujuan untuk memecahkan perpaduan rakyat tempatan. Di Burma, pendidikan sekular dan pendidikan mubaligh yang diperkenalkan telah menjadi ancaman terhadap sekolah Buddha. Di Tanah Melayu pula, lepasan sekolah vernakular sukar mendapat pekerjaan berbanding lepasan sekolah Inggeris.

Kemunculan golongan intelektual merupakan pencetus gerakan nasionalisme. Golongan ini yang berpeluang melanjutkan pelajaran di Barat dan di Asia Barat telah didedahkan dengan idea falsafah Barat dan Islam. Pengalaman mereka di Barat dan di Asia Barat telah menyedarkan golongan ini betapa pihak penjajah tidak mentadbir tanah jajahan seperti mereka mentadbir negara mereka sendiri. Golongan inilah kemudiannya yang memimpin gerakan nasionalisme setelah kembali ke tanah air. Pada peringkat awal mereka hanya menuntut taraf hidup bangsa mereka dibela tetapi akhirnya mereka meminta penjajah membebaskan negara mereka.

Pengaruh media massa seperti akhbar dan majalah telah menyemarakkan semangat nasionalisme di Asia Tenggara. Akhbar dan majalah berupaya menyebarkan idea-idea nasionalis dan menanam perasaan antipenjajah kepada rakyat jelata. Di Vietnam, *Tribune Indigene* dan *Cloche Felee* merupakan akhbar yang berpengaruh. Di Tanah Melayu, *al-Ikhwon*, *Saudara*, *Warta Malaya* dan *Majlis* adalah antara akhbar yang utama. Pihak penjajah menganggap perkembangan ini sebagai ancaman terhadap kepentingan politik mereka di tanah jajahan dan sikap mereka ini bertentangan dengan kebebasan akhbar yang diamalkan oleh mereka di negara mereka sendiri.

Karya kesusasteraan di Asia Tenggara turut berperanan dalam membangkitkan nasionalisme di Asia Tenggara. Karya-karya ini merupakan media untuk menyampaikan mesej kesengsaraan dan kekecewaan terhadap penindasan penjajah yang akhirnya membangkitkan kesedaran bangsa dan kecintaan terhadap tanah air. Di Filipina, novel *Noli Me Tangere* karya **Jose Rizal** bukan sahaja mencetuskan gerakan nasionalisme di negara itu tetapi juga menjadi inspirasi terhadap gerakan nasionalisme di rantau Asia Tenggara. Di Indonesia, cerpen *Kerikil-kerikil Tajam* dan *Ke Makam Bonda* karya Chairil Anuar begitu berpengaruh. Di Tanah Melayu pula, *Putera Gunung Tahan* karya Pak Sako adalah antara puluhan novel yang terkenal.

Perkembangan dalam sistem pengangkutan dan perhubungan juga berperanan dalam kemunculan gerakan nasionalisme di Asia Tenggara. Kewujudan perkhidmatan telefon dan telegraf memudahkan hubungan di kalangan nasionalis. Pembinaan jalan kereta api dan jalan raya dapat menghubungkan kawasan-kawasan yang sebelumnya terpisah. Ini memudahkan rakyat dan para pemimpin bertemu dan membincangkan idea-idea nasionalisme.

Pengaruh luar turut mencetuskan nasionalisme di Asia Tenggara. Kejayaan Jepun menewaskan China pada tahun 1895 dan Rusia pada tahun 1905 telah membuka mata para nasionalis di Asia Tenggara kerana

keupayaan sebuah negara kecil mengalahkan negara besar. Perjuangan **Mahatma Gandhi** di India menentang British juga telah memberikan inspirasi kepada nasionalis di negara-negara Asia Tenggara.

3.Ciri-ciri nasionalisme tahap pertama dan kedua

Tahap pertama merupakan penentangan masyarakat secara terbuka tetapi bersifat setempat dan tidak berorganisasi. Isu-isu kebudayaan agama dan hak peribumi menjadi faktor yang mencetuskan gerakan nasionalisme pada tahap ini. Gerakan ini dipimpin oleh golongan pertengahan yang berpendidikan Barat dan Asia Barat. Para pemimpin nasionalis ini lebih menekankan kesedaran politik daripada tindakan politik. Mereka menuntut hak mereka dikembalikan dan taraf hidup mereka dibaiki. Secara umumnya mereka tidak meminta kemerdekaan dengan segera.

Tahap kedua pula merupakan gerakan nasionalisme yang lebih radikal dan berorganisasi. Perubahan ini adalah disebabkan gerakan nasionalisme tahap pertama yang lebih sederhana sifatnya itu gagal. Gerakan pada tahap kedua ini dipimpin oleh golongan yang berpendidikan serta berpengetahuan luas dalam bidang kebudayaan dan ilmu pengetahuan Barat. Dengan itu, mereka dapat menyedari perubahan yang diperkenalkan oleh penjajah serta kesannya terhadap bangsa dan negara mereka. Matlamat perjuangan mereka lebih jelas, iaitu menuntut kemerdekaan dan seterusnya membentuk kerajaan sendiri yang berdaulat.

4.Perkembangan Nasionalisme di Asia Tenggara

Filipina

Tahap Awal

Gerakan nasionalisme di Filipina mendahului negara lain di Asia Tenggara. Tahap pertama gerakan nasionalisme di negara ini merupakan gerakan dakyah yang dipimpin oleh Jose Rizal yang mempunyai pengaruh kuat dan disokong oleh golongan pertengahan yang berpendidikan Barat. Mereka menuntut supaya Filipina dijadikan wilayah Sepanyol, bangsa Filipina diberikan hak yang sama seperti yang diperoleh bangsa Sepanyol, dan bangsa Filipina diberikan kebebasan bersuara. Apabila tuntutan mereka kurang mendapat tindak balas Sepanyol, Jose Rizal kemudiannya telah menubuhkan Liga Filipina pada tahun 1892 dengan tujuan mendesak kerajaan Sepanyol melakukan pembaharuan politik, ekonomi dan sosial. Kerajaan Sepanyol berasa terancam lantas Jose Rizal ditangkap dan dibuang negeri ke Dapitan di Mindanao. Jose Rizal akhirnya dikenakan hukuman bunuh atas tuduhan terlibat dalam gerakan pemberontakan. Walaupun gerakan dakyah ini berakhir tetapi gerakan ini kemudiannya telah mencetuskan gerakan nasionalisme yang lebih radikal pada tahap kedua.

Tahap Kedua

Gerakan nasionalisme tahap kedua di Filipina bermula apabila Katipunan ditubuhkan oleh Andres Bonifacio. Pertubuhan ini telah memulakan penentangan secara radikal terhadap Sepanyol. Matlamat perjuangannya adalah untuk menyatukan bangsa Filipina dan mencapai kemerdekaan melalui revolusi. Katipunan menggunakan media cetak untuk menyebarkan fahaman revolusi kepada rakyat. *Kalayaan* merupakan akhbar rasmi pertubuhan tersebut. Pada tahun 1896, Katipunan melancarkan revolusi bersenjata untuk menggulingkan pemerintahan Sepanyol tetapi gagal. Katipunan semakin lemah selepas Bonifacio dihukum mati oleh Emilio Aguinaldo pada tahun 1897.

Aguinaldo telah mengadakan kerjasama dengan Sepanyol pada tahun 1898. Namun, Amerika Syarikat dan berjaya mengusir Sepanyol penyingkiran Sepanyol itu telah memulakan penguasaan Amerika Syarikat terhadap Filipina. Pengisytiharan kemerdekaan Filipina oleh Aguinaldo pada tahun 1899 tidak disahkan oleh Amerika. Dengan itu, revolusi diteruskan sehingga Aguinaldo ditangkap pada tahun 1901. Kerajaan Amerika terpaksa membenarkan penubuhan parti-parti politik sederhana. Sergio Osmena telah dilantik mengetuai Dewan Perhimpunan apabila partinya, iaitu Parti Nasional memenangi pilihan raya pada tahun 1907. Walaupun begitu, hanya pada tahun 1930-an nasionalis Filipina kembali menuntut kemerdekaan melalui perlembagaan setelah pucuk pimpinan di Amerika Syarikat bertukar kepada yang lebih liberal.

Indonesia

Tahap Awal

Para nasionalis di Indonesia pada tahap pertama memberikan sepenuh tumpuan terhadap isu-isu pendidikan. Bagi mereka hanya pendidikan yang akan dapat mengubah nasib rakyat Indonesia. Raden Adjeng Kartini berusaha memajukan pendidikan untuk kaum wanita. Karyanya *Habis Gelap Terbitlah Terang* dan *Penulisan Seorang Puteri Jawa* telah mendedahkan kemunduran rakyat Indonesia dan penindasan oleh penjajah Belanda. Perjuangannya telah memberikan inspirasi kepada pejuang-pejuang selepasnya untuk menubuhkan pertubuhan yang lebih tersusun. Muhammadiyah merupakan pertubuhan yang terpenting pada tahap ini. Matlamat pertubuhan ini adalah untuk menyebarkan Islam yang sebenar dan menghindari ancaman sekularisme Barat serta agama Kristian. Pertubuhan ini banyak membina sekolah, klinik dan masjid.

Tahap Kedua

Tahap Kedua gerakan nasionalisme di Indonesia memperlihatkan perjuangan parti-parti politik radikal seperti Sarekat Islam (SI), Parti Komunis Indonesia (PKI) dan Parti Nasional Indonesia (PNI). Pada tahap ini, parti-parti politik begitu lantang menuntut kemerdekaan Indonesia sekalipun dengan cara kekerasan. PNI di bawah pimpinan Soekarno begitu popular kerana perjuangannya dapat mempengaruhi rakyat Indonesia. Belanda yang semakin terdesak telah bertindak balas dengan menangkap pemimpin yang radikal termasuklah Soekarno dan mengharamkan PNI.

IndoChina

Tahap Awal

Gerakan nasionalisme di IndoChina lebih tertumpu di Vietnam serta dipelopori oleh golongan bangsawan dan pegawai daripada golongan Mandarin. Mereka memperjuangkan pemulihan sistem pemerintahan beraja. Golongan menengah berpendidikan Barat pula memperjuangkan pendidikan Barat di kalangan rakyat. Salah seorang ketua gerakan ini, iaitu Phan Boi Chau memimpin satu gerakan revolusi tetapi gerakan tersebut gagal. Beliau kemudiannya menubuhkan Viet Nam Quang Phu Hoi (VNQPH) dan melancarkan beberapa pemberontakan di Tongkin serta melancarkan gerakan dakyah di Vietnam. Phan Boi Chau kemudiannya telah dipenjarakan dan VNQPH diharamkan oleh Perancis.

Tahap Kedua

Kegagalan parti-parti politik sederhana untuk mendapatkan kerjasama Perancis telah melahirkan gerakan nasionalisme yang lebih radikal. Gerakan nasionalisme pada tahap ini memperlihatkan perjuangan Viet Nam Quoc Dang Dang (VNQDD) dan Parti Komunis Vietnam (PKV). Perancis bertindak balas dengan menangkap pemimpin-pemimpin VNQDD termasuklah menghukum bunuh Nguyen Thai Hoc. Ho Chi Minh pemimpin PKV terpaksa melarikan diri ke Hong Kong. Sikap keras Perancis ini menyebabkan gerakan nasionalisme kembali bercorak sederhana di bawah pimpinan Maharaja Bao Dai. Usaha-usaha pembaharuan Maharaja Bao Dai bukan sahaja disekat, malah baginda dilarang melibatkan diri dalam gerakan nasionalisme.

Burma

Tahap Pertama

Gerakan nasionalisme tahap pertama di Burma memperlihatkan perjuangan golongan sami Buddha dan golongan elit berpendidikan Barat. Golongan sami Buddha telah menubuhkan Persatuan Belia Buddha pada tahun 1906. Penubuhannya adalah bertujuan untuk mengekalkan tradisi Buddha dan memajukan pendidikan di kalangan rakyat Burma. Pertubuhan ini menggunakan Isu Kasut untuk membangkitkan semangat nasionalisme rakyat. Menjelang tahun 1916, Persatuan Belia Buddha telah dipimpin oleh nasionalis yang lebih radikal seperti U Ba Pe. Pemimpin-pemimpin Persatuan Belia Buddha kemudiannya menubuhkan Majlis Persatuan Am Kesatuan-kesatuan Burma pada tahun 1920 yang lebih radikal.

Tahap kedua

Gerakan nasionalisme tahap kedua di Burma muncul apabila Laporan Montagu-Chelsford menyatakan bahawa Burma masih belum bersedia untuk memerintah sendiri. Menjelang tahun 1920, tercetus Revolusi Pelajar yang menuntut penubuhan sebuah universiti untuk mereka. Gerakan nasionalisme seterusnya merupakan gerakan golongan sami Buddha melalui Majlis Am Sangha Sametggi yang mencetuskan Pemberontakan Saya San. Pemberontakan tersebut diketuai oleh Saya San, iaitu bekas pongyi dan pemimpin di Tharawaddy. Kemudian muncul pula Liga Anti pemisahan yang mengangap pemisahan

dengan India hanya akan melewatkan kemerdekaan. Pengenalan Perlembagaan Burma 1935 memberikan peluang ke arah berkerajaan sendiri. Golongan Thakin (siswazah universiti) menubuhkan Parti Dobama Asiayone pada tahun 1935 untuk menuntut kemerdekaan. Para pemimpinnya terdiri daripada Aung San, Kyaw Nein dan U Nu yang menggelarkan diri mereka sebagai “ Tuan ”. Dr. Ba Maw yang memenangi pilihan raya pada tahun 1937 telah dilantik menjadi Perdana Menteri yang pertama.

Thailand

Tahap Awal

Nasionalisme di Thailand pada tahap pertama merupakan kegelisahan rakyat terhadap penguasaan politik oleh kerabat diraja dan juga penentangan terhadap raja berkuasa mutlak. Perkembangan sistem pendidikan Barat telah memberikan pendedahan terhadap fahaman liberal, sistem demokrasi dan sistem raja berperlembagaan kepada golongan intelek Thailand. Kelemahan sistem pentadbiran dan sikap boros Raja Vajiravudh menyebabkan rakyat tidak berpuas hati. Ini membawa kepada penubuhan Parti Rakyat pada tahun 1932 oleh Nai Pridi Panomyong dan Field Marshall Phibul Songram. Parti Rakyat telah melancarkan Revolusi Thai pada tahun 1932 yang menamatkan sistem raja berkuasa mutlak.

Tahap Kedua

Gerakan nasionalisme tahap kedua di Thailand disebabkan oleh rasa tidak puas hati rakyat terhadap cengkaman ekonomi oleh kapitalis Barat dan orang Cina. Semasa Phibul Songram menjadi Perdana Menteri, beliau meluluskan undang-undang untuk menyekat kebebasan dan penguasaan ekonomi oleh orang Cina. Malah sekolah Cina dan akhbar Cina dibubarkan. Penduduk peribumi digalakkan melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi. Jawatan tertinggi dalam kerajaan pula hanya untuk penganut agama Buddha. Pada tahun 1939, Phibul Songram telah menukar nama negara Siam kepada Thailand yang bermaksud *Tanah Bebas*. Hasil daripada bekerjasama dengan Jepun semasa Perang Dunia Kedua, Thailand telah berjaya mendapatkan semula wilayah-wilayah di IndoChina dan di Tanah Melayu.

5. Mengapakah semangat kenegaraan semakin luntur dalam kalangan generasi muda hari ini.

Kurang menghayati Sejarah

Semangat kenegaraan semakin luntur kerana generasi hari ini kurang berminat terhadap mata pelajaran Sejarah. Hal ini menyebabkan mereka kurang menghayati perjuangan tokoh-tokoh nasionalis yang bertungkus lumus untuk membentuk sebuah negara yang merdeka. Semangat patriotik semakin pudar. Seterusnya mereka mengulangi kesilapan lampau seperti masih bergantung kepada negara asing.(H). Dengan ini dicadangkan mata pelajaran perlu dipentingkan diperingkat sekolah.

Sikap mementingkan diri

Seterusnya generasi muda hari ini mempunyai sikap mementingkan diri sendiri Hal ini menyebabkan mereka suka melanggar undang-undang negara seperti melibatkan diri dalam jenayah dan penyalagunaan dadah. Keadaan ini turut mangancam keselamatan negara . Generasi yang mencintai negara tidak akan terlibat dalam perkara yang menjatuhkan maruah negara.

Tidak menghayati Rukun Negara

Selain itu generasi muda hari ini juga kurang menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara . Hal ini menyebabkan mereka mula mempersoalkan kedudukan Raja-Raja Melayu sebagai ketua Negara. Buktinya tindakan-tindakan mereka menunjukkan mereka tidak setia kepada Raja dan negara. Selain itu juga tidak menghormati perlembagaan negara sebagai undang-undang tertinggi negara. Contohnya mempertikaian kedudukan keistimewaan orang Melayu. Dengan ini dinasihatkan generasi muda jangan melibatkan diri dalam tindakan yang bertentangan dengan Perlembagaan Negara.

6.Cadangan anda untuk memupuk semangat kenegaraan dalam kalangan generasi muda kita.

Program semangat kenegaraan

Cadangan untuk memupuk semangat kenegaraan dalam kalangan generasi muda ialah kerajaan perlu perbanyakkan program-program yang menekankan semangat kenegaraan supaya generasi muda menanamkan sikap mencintai bangsa dan negara. Contohnya melibatkan mereka dalam PLKN agar dapat memupuk semangat perpaduan dan kesetiaan kepada negara.. Oleh itu program ini perlu diteruskan dan diperluaskan lagi.

Sambutan hari kemerdekaan

Seterusnya generasi muda perlu melibatkan diri dalam sambutan hari kemerdekaan. Sekolah perlu mengadakan sambutan hari kemerdekaan dengan penuh meriah serta perlu melibatkan semua kaum. Pihak sekolah perlu mengadakan pelbagai aktiviti berunsur patriotisme seperti bicara tokoh dan kupasan tema kemerdekaan. Melalui sambutan hari kemerdekaan dapat memupuk semangat kenegaraan.

Kepentingan Sejarah

Selain itu perlu menekankan kepentingan mata pelajaran sejarah kepada generasi muda supaya dapat menghargai sumbangan tokoh-tokoh kemerdekaan negara seperti peranan Tunku Abdul Rahman. Selain itu dapat menanamkan sikap mencintai negara. Langkah kerajaan mewajibkan mata pelajaran sejarah dapat mencapai matlamat ini.

7.Pengisian kemerdekaan pula adalah tanggungjawab generasi muda hari ini.

Pengisian kemerdekaan adalah tanggungjawab generasi muda. Hal ini kerana kitalah yang bertanggungjawab untuk mengekalkan kedaulatan negara kita. Ini dapat dilakukan melalui memiliki semangat jati diri yang kuat, sanggup berkorban untuk negara dan bangsa. Selain itu perlu ada perasaan cinta terhadap tanah air. Seterusnya perlu bersedia untuk menghadapi sebarang cabaran yang menggugat keamanan negara .Melalui sifat-sifat ini dapatlah mengekalkan kedaulatan negara kita pada hari ini.

Seterusnya generasi muda hari ini bertanggungjawab dalam majukan ekonomi negara. Mereka perlu menyumbang tenaga dan fikiran dalam pelbagai bidang untuk pembangunan ekonomi negara. Mereka juga perlu memiliki sikap kreativiti dan inovatif serta memiliki idea-idea baru dalam menjana ekonomi negara.Contohnya menguasai bidang sains dan teknologi. Kemajuan ekonomi ini adalah penting untuk mengekalkan kedaulatan negara.

Selain itu aspek perpaduan juga penting dalam pengisian kemerdekaan. Hal ini kerana ia adalah tunjang utama kepada kestabilan dan keamanan negara. Perpaduan asas kepada kekuatan negara kerana negara kita terdiri dari pelbagai kaum. Perpaduan kaum ini penting untuk mengekalkan kedaulatan negara.

8.Semangat nasionalisme merupakan prasyarat bagi menjamin kedaulatan negara.

Semangat nasionalisme akan menyebabkan rakyat **sanggup berkorban** demi menjamin kedaulatan negara. Hal ini kerana mereka akan memiliki sikap mencintai negara dan kepentingan negara mengatasi kepentingan lain. Dengan ini mereka tidak bersekongkol dengan pihak luar seperti membocorkan rahsia negara sehingga menjejaskan keselamatan negara. Seseorang individu perlu bersedia berkorban untuk mempertahankan kedaulatan negara.

Seterusnya dengan adanya semangat nasionalisme rakyat akan hidup bersatupadu. Hal ini dapat wujudkan kehidupan harmoni serta negara yang aman. dan tiada rusuhan kaum seperti peristiwa 13 Mei 1969 . Keadaan ini menyebabkan negara lain tiada berpeluang campurtangan dalam urusan negara kita

Selain itu dengan adanya semangat nasionalisme, rakyat akan majukan ekonomi negara seperti majukan sektor perindustrian negara menyebabkan negara kita tidak perlu bergantung kepada negara luar.Kemajuan ekonomi juga meningkatkan taraf hidup rakyat agar rakyat sentiasa menyokong dasar-dasar kerajaan. Hal ini membuktikan kemajuan ekonomi menjamin kedaulatan negara.

9. Cara anda membuktikan memiliki semangat nasionalisme yang tinggi terhadap negara?

Cara saya membuktikan memiliki semangat nasionalisme yang tinggi terhadap negara ialah pertamanya sentiasa menghayati Rukun Negara. Dengan ini saya akan taat dan setia kepada raja dan negara contohnya tidak akan memperlekeh raja kita sebagai ketua negara. Selain itu sentiasa menghormati perlembagaan negara kita seperti tidak mempersoalkan hak keistimewaan orang Melayu yang termaktub dalam perlembagaan negara. Sebagai warganegara patriotic perlu sentiasa menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian.

Seterusnya saya mempelajari sejarah dengan bersungguh-sungguh. Melaluinya dapat menghargai sumbangan tokoh-tokoh kemerdekaan seperti perjuangan Tunku Abdul Rahman dalam mendapat kemerdekaan negara. Ini akan menimbulkan semangat cinta terhadap negara dan berusaha mempertahankan kedaulatan negara. Langkah kerajaan mewajibkan mata pelajaran Sejarah dapat mencapai matlamat ini.

Selain itu saya akan melibatkan diri dalam Sambutan Bulan Kemerdekaan samaada peringkat sekolah ataupun peringkat kebangsaan. Saya akan menyanyikan lagu-lagu patriotik dengan penuh semangat serta mengibarkan Bendera Jalur Gemilang seterusnya mengambil bahagian dalam perarakan kemerdekaan. Ini akan mengukuhkan semangat jati diri saya

10. Kepentingan rakyat memiliki semangat nasionalisme

Semangat patriotik

Kepentingan nasionalisme kepada negara ialah dapat melahirkan rakyat yang bersemangat patriotik yang tinggi. Oleh itu rakyat mempunyai jati diri yang kuat dalam menghadapi sebarang ancaman musuh luar. Dengan semangat patriotik yang mantap dapat memastikan kedaulatan negara dipertahankan. Sebagai contohnya, pencerobohan di Lahad Datu telah dapat diatasi dengan jayanya dan rakyat sanggup berkorban untuk mempertahankan negara daripada serangan musuh.

Memperkukuhkan perpaduan

Nasionalisme sangat penting untuk memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Melalui pengamalan semangat nasionalisme, semangat bekerjasama dapat dipupuk supaya rakyat memahami pentingnya perpaduan dalam masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum. Sebagai contohnya pihak kerajaan hendaklah mengadakan pelbagai program seperti kempen berkaitan perpaduan. Oleh yang demikian perpaduan yang jitu sangat penting untuk menjadikan negara kita sebuah negara yang aman dan harmoni.

Pentadbiran negara

Semangat nasionalisme membawa kebaikan kepada negara dalam aspek pentadbiran. Pemimpin negara yang mempunyai semangat nasionalisme akan mentadbir negara dengan penuh bertanggungjawab. Program pembangunan negara dapat dirancang dan dilaksanakan dengan sempurna untuk kepentingan rakyat. Kepimpinan yang bertanggungjawab ini akan melahirkan hubungan erat antara pemimpin dengan rakyat. Keadaan ini sudah pasti membolehkan dasar-dasar kerajaan dapat dilaksanakan dengan lancar. Sebagai contohnya kepimpinan yang berwibawa Perdana Menteri Dato Seri Najib berupaya menggerakkan jemaah menteri mentadbir negara Malaysia dengan mantap.

Kemajuan ekonomi negara

Kepentingan lain nasionalisme ialah dapat menjadikan ekonomi negara turut berkembang pesat. Semangat nasionalisme yang kuat dalam warga Malaysia mampu melonjakkan rakyat untuk bersaing dari segi ekonomi. Malah rakyat berupaya menjadi tenaga kerja yang mahir dan seterusnya dapat meningkatkan taraf hidup rakyat. Sebagai contohnya negara kita merupakan negara pengeluar hub halal telah mendapat pengiktirafan dari luar negara.

Imej Negara

Kepentingan nasionalisme juga adalah untuk mendorong rakyat berusaha dengan bersungguh-sungguh. Kesungguhan ini akan meningkatkan produktiviti dan menaikkan imej negara di mata dunia. Dalam bidang sukan, individu yang memiliki semangat nasionalisme akan berusaha bersungguh-sungguh untuk

memenangi sesuatu pertandingan dan mengharumkan nama negara. Sebagai contohnya banyak atlit negara yang bertaraf dunia berjaya dilahirkan seperti Dato Nicol David dalam sukan Squash dan Dato Lee Chong Wei dalam sukan badminton.

11. Kesan / Akibat / Impak sekiranya warganegara tidak mempunyai semangat nasionalisme

Perpaduan rakyat

Sekiranya rakyat tidak memiliki semangat nasionalisme, **masyarakat akan berpecah belah**. Keadaan ini boleh menggugat keamanan dan keharmonian negara. Malah situasi ini akan melahirkan individu yang mementingkan diri sendiri. Oleh yang demikian hal ini boleh meruntuhkan kestabilan politik negara dan membawa kepada isu perkauman yang boleh menghancurkan keamanan negara. Sebagai contohnya rusuhan kaum yang pernah berlaku pada 13 Mei 1969 adalah sebab kurangnya semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat ketika itu.

Kelembapan ekonomi negara

Sekiranya rakyat tidak memiliki semangat nasionalisme, ekonomi negara tidak berkembang. Pertumbuhan ekonomi negara akan tergendala. Kemakmuran negara tergugat kerana pembangunan negara terbantut. Malah negara kita akan dipandang rendah oleh negara maju lain.

Ketidakstabilan politik

Sekiranya rakyat tidak memiliki semangat nasionalisme, politik negara akan menjadi tidak stabil. Sistem pentadbiran negara akan kucar-kacir. Seterusnya ia menyebabkan kedaulatan negara akan terancam. Oleh yang demikian, negara mudah terdedah kepada campur tangan kuasa asing.

Kehilangan jati diri

Sekiranya rakyat tidak memiliki semangat nasionalisme, masyarakat akan hilang jati diri. Hal ini menjadikan minda masyarakat akan dijajah. Mereka mudah terpengaruh dengan budaya asing. Dengan itu, budaya baru yang bersifat negatif akan menular. Perkara ini akan meruntuhkan tamadun bangsa kita yang kaya dengan nilai ketimuran.

Tidak hormati pemimpin negara

Sekiranya rakyat tidak memiliki semangat nasionalisme, mereka tidak akan menghormati pemimpin negara. Imej pemimpin dan negara turut terjejas di mata dunia.

12. Usaha-usaha / Langkah-langkah kerajaan dalam meningkatkan semangat nasionalisme

Konsep 1M

Antara usaha untuk meningkatkan semangat nasionalisme dalam kalangan warga Malaysia ialah dengan memperkenalkan konsep 1 Malaysia. Melalui konsep ini kerajaan telah memperkenalkan Kedai Rakyat 1M, Klinik 1M dan Perumahan 1M. Dengan cara ini kemakmuran negara dapat dikongsi bersama.

Mata pelajaran di Sekolah

Usaha seterusnya, Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan agar pelajar mengamalkan nilai-nilai murni untuk membentuk masyarakat yang harmonis. Kerajaan juga telah mewajibkan pelajar untuk lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah dengan harapan supaya pelajar dapat memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan di samping menghargai pejuangan tokoh kemerdekaan negara.

Program RIMUP

Selain itu, Program 1 Murid 1 Sukan (1M1S) di semua sekolah telah dilaksanakan. Program ini dapat memupuk semangat perpaduan dalam berpasukan agar dapat melahirkan generasi yang sihat dan aktif. Program RIMUP juga dijalankan di sekolah bagi menggalakkan integrasi nasional dalam iaitu memupuk semangat perpaduan dalam kalangan pelajar.

Program PLKN

Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) diperkenalkan kepada pelajar lepasan SPM. Program ini terbukti dapat memperkukuh jati diri dan menyemai semangat nasionalisme pelajar untuk mempertahankan kedaulatan negara. Contohnya pelajar lepasan tingkatan 5 atau remaja berusia 17 tahun dipilih secara rawak untuk mengikuti latihan tersebut di pusat-pusat PLKN yang telah ditetapkan.

Dasar Kebudayaan Kebangsaan

Usaha memperkenalkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan turut diperkenalkan agar seluruh rakyat

Malaysia mengamalkan tradisi dan kebudayaan masing-masing. Hal ini akan dapat memperkukuh jati diri rakyat Malaysia.

Program Rukun Negara

Untuk memupuk semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat, Program Rukun Tetangga dan Program Sukarelawan telah diperkenalkan. Program ini dapat memupuk kerjasama dalam menjaga keselamatan kampung atau taman perumahan dan memberi bantuan sukarela ketika berlaku bencana alam seperti banjir besar atau gempa bumi.

Sambutan Hari Kemerdekaan

Sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia yang diisytiharkan sebagai cuti umum juga merupakan langkah kerajaan memupuk semangat nasionalisme. Rakyat Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak bersatu meraikan Hari Malaysia dengan semangat perpaduan yang jitu. Pelbagai aktiviti berkaitan dijalankan untuk memupuk semangat nasionalisme seperti perarakan merdeka, larian merdeka, konvoi merdeka dan mengibar Jalur Gemilang.

Di samping itu, usaha memperbanyakkan lagu-lagu patriotik disiarkan di media massa juga merupakan usaha untuk meningkatkan semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat seperti disiarkan di radio sepanjang bulan kemerdekaan dan diadakan pertandingan lagu-lagu patriotik.

13. Iktibar daripada kemunculan dan perkembangan nasionalisme

Iktibar yang pertama ialah kita mesti memelihara kedaulatan negara agar tidak dicerobohi oleh musuh luar. Seterusnya kita haruslah memupuk semangat cinta akan negara dalam kalangan rakyat agar negara kita sentiasa aman dan sentosa. Selain itu, kita perlulah memelihara keamanan negara daripada unsur negatif yang cuba menjatuhkan negara kita seperti ancaman DAESH. Iktibar yang seterusnya ialah kita mestilah menjadi pemimpin yang berwibawa dalam mentadbir negara supaya dapat menangani isu-isu semasa tanpa campur tangan asing. Kita juga mestilah sedia berkorban untuk negara dan bangsa demi keamanan dan kesejahteraan negara kita.

Selain itu, kita haruslah bijak dalam membuat keputusan setelah menilai dari pelbagai sudut pandangan. Kita perlulah bersikap toleransi dalam setiap tindakan yang dilakukan dan kita mestilah menghormati serta mempertahankan institusi beraja. Di samping itu, kita hendaklah berganding bahu mempertahankan negara. Akhir sekali kita perlulah menguasai teknologi moden agar keselamatan negara sentiasa terjamin.

Iktibar daripada peristiwa penjajahan negara kita ialah kita mestilah memantapkan perpaduan. Ulaskan.

Dalam konteks negara kita yang terdiri daripada pelbagai kaum, perpaduan yang mantap merupakan kunci utama untuk mengekalkan kemerdekaan negara kita. Antara usaha untuk memantapkan perpaduan di negara kita ialah kita mesti bersedia bekerjasama dan bertoleransi antara satu sama lain dalam menangani setiap masalah yang timbul. Sikap saling hormat menghormati antara satu sama lain dapat mewujudkan kehidupan yang harmoni.

Keharmonian kaum dapat dikekalkan dengan tidak menimbulkan isu-isu sensitif yang berkaitan dengan budaya dan agama kaum lain. Selain itu, kita haruslah berusaha menjamin perpaduan negara dengan tidak menyertai aktiviti-aktiviti yang dapat mengugat perpaduan negara seperti demonstrasi jalanan dan perhimpunan haram. Masyarakat Malaysia juga hendaklah bersama-sama menyambut Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos dan Hari Malaysia pada 16 September sebagai hari perpaduan negara. Anggota masyarakat wajar digalakkan mengadakan majlis rumah terbuka sempena sambutan perayaan kaum masing-masing. Majlis tersebut membolehkan masyarakat beramah mesra dan mengeratkan hubungan antara sahabat andai, jiran tetangga dan masyarakat pelbagai kaum. Hubungan yang erat menjadi simbol perpaduan, kemakmuran dan keamanan negara.